



**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA**

**Selasa, 31 Mac 2020
Untuk Siaran Segera**

**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA**

**TAJUK: PERUBAHAN OPERASI PENGANGKUTAN AWAM, TEKSI
DAN E-HAILING SEPANJANG TEMPOH PKP FASA 2 MULAI 1-14
APRIL 2020**

Dalam usaha Kerajaan menangani penularan pandemik Covid-19 dan memulihkan negara, beberapa keputusan sukar terpaksa diambil sepertimana yang diputuskan dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa Kedua mulai 1 - 14 April.

Sebagai langkah-langkah pencegahan berkaitan pengangkutan, Kerajaan memberikan fokus terhadap usaha mengurangkan rantai jangkitan di dalam mod pengangkutan awam khususnya bas, rel, teksi dan perkhidmatan e-hailing.

Untuk makluman, waktu operasi bagi perkhidmatan bas henti-henti, bas ekspres, tren, rel dan terminal-terminalnya akan terus beroperasi dengan dihadkan kepada jam 6 pagi - 10 pagi dan 5 petang - 10 malam sepertimana yang diumumkan tadi.

Perkhidmatan teksi dan e-hailing akan dibenarkan beroperasi bermula jam 6 pagi hingga 10 malam setiap hari, berkuatkuasa mulai 1 April 2020 sepanjang tempoh PKP. Manakala perkhidmatan penghantaran makanan (delivery) pula dibenarkan beroperasi dari jam 8 pagi hingga 8 malam.

Kerajaan mengakui bahawa barang-barang keperluan asas termasuk makanan dan ubat-ubatan mesti dihantar ke destinasi mereka tanpa sebarang masalah. Walau bagaimanapun, syarikat logistik dan pengangkutan digalakkan untuk memindahkan barangan mereka antara jam 7:00 malam - 7:00 pagi, yang membolehkan pergerakan lebih lancar semasa PKP.

Kementerian dan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) ingin mengingatkan semua pengendali, pemandu, dan operator pengangkutan awam darat supaya mematuhi PKP dan peraturan-peraturan lain yang berkaitannya. Dalam masa sama, mengutamakan keselamatan dan kesihatan diri masing-masing. Ini adalah selaras dengan langkah-langkah yang telah ditetapkan bagi mengelakkan jangkitan pandemik Covid-19.

Para penumpang dan orang ramai juga dinasihatkan agar sentiasa mematuhi peraturan-peraturan tersebut termasuk mengawasi penjarakkan sosial 1 meter, memakai topeng muka dan mengelakkan kesesakan semasa menggunakan pengangkutan awam sepanjang tempoh ini.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA
31 Mac 2020

- TAMAT -